



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN
TARIKH	:	24/02/2010
MUKA SURAT	:	S25
JABATAN	:	PEJABAT TANAH DAERAH

SELANGOR&KL

AKHBAR KOMUNITI UNTUK WARGA SELANGOR & KL

Saman sekolah bar
kelas komputer

Rampas jentera penyangak



- Pejabat Tanah D...
Hulu Langat (PT...
menyita empat j...
dan satu traktor...
lokasi petang se...
- Ketika serbuan d...
Sungai Langat d...
Sungai Tangkas,
operasi mencuri...
dijalankan.
- Aduan berkaitar...
pasir banyak dite...
dan rondaan yan...
dilakukan di seti...
kawasan adalah...
berdasarkan adu...
penduduk.

▶ S25

● Lori yang ditinggalkan tanpa sebarang operasi ketika serbuan dijalankan PTDHL.

● Pemeriksaan lori yang ditinggalkan dilakukan penguat kuasa PTDHL.



PTDHL gempur dua lokasi curi pasir

KAJANG - Hasil aduan orang ramai kegiatan penyangak pasir di Hulu Langat terus menerima tamparan hebat apabila penguat kuasa Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat (PTDHL) berjaya menyita kenderaan digunakan operator haram berkenaan di dua lokasi berbeza di sini, petang, semalam.

Pegawai Daerah Hulu Langat, Zainal Abidin Aala berkata, pihaknya berjaya menyita empat jengkaut dan satu traktor di dua lokasi berbeza.

"Penyitaan berjaya dilakukan ketika rondaan sedang dilakukan setelah pihak kami menerima banyak aduan orang ramai berkaitan curi pasir.

"Operasi telah dilakukan di dua lokasi berbeza iaitu di Sungai Langat, Seksyen 5, Bandar Baru Bangi dan Sungai Tangkas," katanya kepada Sinar Harian ketika dihubungi, petang semalam.

Menurutnya, dua jengkaut disita di Sungai Langat dan kunci



“Operasi telah dilakukan di dua lokasi berbeza iaitu di Sungai Langat, Seksyen 5, Bandar Baru Bangi dan Sungai Tangkas.”

Pegawai Daerah Hulu Langat, Zainal Abidin Aala

serta bateri dirampas terlebih dahulu manakala jengkaut akan dibawa ke PTDHL manakala lokasi kedua adalah di tanah hak milik bersebelahan anak Sungai Tangkas.

Katanya, dua jengkaut dan satu traktor berjaya dirampas dan tindakan sama dilakukan dengan mengambil kunci dan bateri terlebih dahulu.

"Kini, hanya menanti loader untuk membawa empat jengkaut dan satu traktor yang disita PTDHL dan tiada sebarang penahan dilakukan.

"Aduan berkaitan curi pasir ini sememangnya banyak diterima dan rondaan serta operasi yang dilakukan di setiap kawasan adalah berdasarkan aduan orang ramai," katanya.

Sebelum itu, ketika anggota penguat kuasa tiba di tempat kejadian tiada sebarang operasi dijalankan dan yang tinggal hanya lori, jengkaut dan traktor.